



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 10/2022

**PANDUAN PERWAJAHAN IMEJ KORPORAT (LOGO)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN EDISI PERTAMA TAHUN 2022**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Panduan Perwajahan Imej Korporat (Logo) Universiti Malaysia Kelantan Edisi Pertama Tahun 2022.
2. Panduan Perwajahan Imej Korporat (Logo) Universiti Malaysia Kelantan Edisi Pertama Tahun 2022 ini telah disediakan dan boleh dirujuk oleh seluruh warga Universiti sepertimana **dilampiran**.
3. Semua staf diwajibkan mematuhi Panduan Perwajahan Imej Korporat ini dalam semua urusan yang melibatkan penggunaan Logo UMK, Logo Pejabat/ Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Unit sama ada digunakan secara visual, digital dan bercetak.
4. Sehubungan dengan itu, semua pihak dipohon untuk mengambil maklum dan memastikan segala gerak kerja yang melibatkan penggunaan Logo UMK, mematuhi Panduan Perwajahan Imej Korporat yang dikeluarkan ini.
5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

MAZULA BINTI SABUDIN
Pendaftar

25 APRIL 2022

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PANDUAN PERWAJAHAN IMEJ KORPORAT **LOGO**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Edisi Pertama Tahun **2022**

PANDUAN PERWAJAHAN
IMEJ KORPORAT
LOGO

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Edisi Pertama Tahun **2022**

HAK CIPTA PKK, 2022

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan.

Tajuk Buku: Panduan Perwajahan Imej Korporat (Logo)
Universiti Malaysia Kelantan Edisi Pertama Tahun 2022

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penerbitan
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok,
Kelantan

Tel: 09 -7797015

Mel: bpk.pkk@umk.edu.my

Pengenalan

PENUBUHAN UNIVERSITI

OBJEKTIF PERWAJAHAN IMEJ KORPORAT UNIVERSITI

Konsep Reka Bentuk Logo dan Falsafah

LOGO DAN RUPATAIP

ELEMEN WARNA

LOGO MENGIKUT SKALA

VARIASI LOGO UMK

PENERAPAN VARIASI WARNA LOGO DAN LATAR BELAKANG

LOGO DENGAN WARNA EMAS DAN PERAK

LOGO DIKUTI NAMA JABATAN ATAU FAKULTI

PENERAPAN LOGO DENGAN LATAR BELAKANG FOTOGRAFI

Penggunaan Logo Gandingan UMK

PENGGUNAAN LOGO

PENGENALAN

PENUBUHAN UNIVERSITI

Penubuhan sebuah universiti di negeri Kelantan telah dijadikan satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi negara. YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK ke 9) pada 31 Mac 2006. Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian.

OBJEKTIF PERWAJAHAN IMEJ KORPORAT UNIVERSITI

Sebagai salah sebuah universiti yang mendukung nilai teras bagi membentuk satu identiti universiti, UMK perlu mempunyai mekanisma sendiri dalam usaha mewujudkan imej korporat bertaraf dunia. Ketepatan ini amat penting bagi mewujudkan satu persamaan antara setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) di dalam UMK merujuk kepada satu panduan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti.


Objektif utama dokumen ini ialah;

- Sebagai rujukan atau garis panduan lengkap perihal penggunaan logo, teks nama Universiti Malaysia Kelantan dan singkatan UMK (rupataip) dan warna dalam semua representasi logo UMK.
- Menyediakan spesifikasi teknikal bagi setiap elemen asas imej korporat UMK dan contoh penggunaan yang betul pada representasi terpilih sekaligus dapat memastikan keseragaman penggunaan logo, rupataip dan warna disetiap jabatan/fakulti dalam UMK.
- Memastikan kawalan penggunaan imej korporat universiti dapat dipantau dan diseragamkan di semua lokasi penggunaan.
- Membina identiti UMK yang lebih jelas, mantap, kuat, positif serta terkemuka kepada semua

Panduan Perwajahan Imej Korporat ini amat perlu kepada organisasi seperti UMK dalam mempromosikan dan menyebarkan mengenai kewujudannya seantero dunia. Panduan Perwajahan Imej Korporat ini juga turut menjadi rujukan utama bagi semua agensi-agensi luar yang terlibat dengan kerja-kerja pembekalan atau mereka bentuk bahan-bahan penerbitan, percetakan, promosi, publisiti, multimedia, produk cenderamata dan videografi perlu mengetahui dan memahami tentang panduan ini.

LOGO UNIVERSITI

KONSEP REKA BENTUK LOGO DAN FALSAFAH



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

LOGO UNIVERSITI

Sehubungan itu, logo Universiti Malaysia Kelantan (UMK) direka khusus mencerminkan sebuah universiti baru yang wujud di pantai timur. (UMK) adalah simbolik kepada penekanan kepada huruf “U”, “M” dan “K”. Reka bentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk hourglass pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu penggalakan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*).

Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna “biru” adalah untuk Malaysia, “merah” untuk Kelantan dan “jingga” warna semulajadi buah pinang masak yang merujuk kepada warisan.

Logo ini didokong oleh falsafah UMK yang memberi penekanan kepada enam (6) aspek utama iaitu :

- i. Pendidikan keusahawanan;
- ii. Bahasa ketiga;
- iii. ICT sebagai pengupaya;
- iv. Pembelajaran sepanjang hayat;
- v. Modal insan yang berkualiti; dan
- vi. Keunikan dan relevan.

LOGO DAN RUPATAIP

- Logo dan rupataip Universiti Malaysia Kelantan tidak seharusnya digunakan berasingan. Kombinasi logo dan rupataip Universiti Malaysia Kelantan membentuk logo UMK yang lengkap.
- Jenis tulisan rupataip Universiti Malaysia Kelantan adalah Cheltenham Book.

UNIVERSITI

Tracking 75

MALAYSIA

Tracking 165

KELANTAN

Tracking 125

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ

abcdefghijklmnopqrstuvwxyz

1234567890.,=><()&%\$#@!~{}

ELEMEN WARNA



Pantone 7462C
C 100 / M 80 / Y 10 / K 0
Special Blue

Melambangkan negara Malaysia



Pantone 185 2X
C 0 / M 100 / Y 100 / K 0
Special Red

Melambangkan negeri Kelantan



Pantone 108C
C 0 / M 80 / Y 100 / K 0
Special Orange

Warna semulajadi buah pinang masak yang merujuk kepada warisan


Elakkan dari menggunakan kombinasi warna yang lain. Warna-warna ini seharusnya digunakan secara konsisten dan seragam dalam semua bentuk bahan pencetakan dan lain-lain media. Lain-lain warna yang digunakan mestilah di dalam kombinasi yang harmoni dan tidak terlalu berbeza dengan warna asas yang tersebut.

LOGO MENGIKUT SKALA

SAIZ ALTERNATIF

Saiz yang dibesarkan haruslah mengikut penyepaduan skala. Sila guna kekunci 'shift' apabila menyeret pensaisan atau menggunakan peratusan yang sama apabila menggunakan alat pengukur.

IMEJ KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

100%



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

80%



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

60%



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

40%



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

20%



10%

VARIASI LOGO UMK



LOGO MENEGAK (LOGO UTAMA)

Digunakan untuk semua urusan rasmi universiti yang melibatkan penjenamaan imej korporat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sama ada dalam bentuk paparan secara digital, video dan bercetak. Logo ini satu-satunya imej/identiti yang mewakili penjenamaan UMK terutama yang melibatkan hubungan dengan pihak luar organisasi.



LOGO MELINTANG

Digunakan apabila melibatkan gandingan dengan logo-logo melintang seperti Logo KPT dan UA sahaja mengikut kesesuaian;

Digunakan bagi tujuan dokumentasi pentadbiran dalaman seperti borang-borang rasmi jabatan, slide pembentangan dan bahan-bahan pentadbiran yang berkaitan; dan



Logo ini juga digunakan sebagai logo fakulti/pusat/bahagian/pejabat di UMK.

LOGO BULAT

Digunakan dan dicetak pada semua jenis produk inovasi keluaran UMK, tanda nama, cenderamata sama ada dikeluarkan secara digital, video dan bercetak.




LOGO MELINTANG JAWI

Digunakan khusus untuk pembinaan tugu, arca dan monumen yang dibina di dalam Universiti sahaja.


PENERAPAN VARIASI WARNA LOGO DAN LATAR BELAKANG

Apabila memilih warna, adalah mustahak untuk menimbangkan pilihan yang terbaik untuk memberi tumpuan utama kepada maklumat yang jelas, berkesan dan melengkapi imej yang dipilih. Perbezaan yang ketara antara warna atau kegelapan teks dan latar belakang perlu dijelaskan. Warna yang gelap pada teks dengan latar belakang yang putih atau pudar adalah yang paling mudah dibaca. Warna putih pada teks adalah paling sesuai dengan latar belakang yang gelap.

Logo UMK yang digambarkan dalam variasi warna:



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Digunakan apabila cetakan tidak dapat menerima pewarnaan monokrom (satu warna)

PENERAPAN VARIASI WARNA LOGO DAN LATAR BELAKANG

Logo UMK yang digambarkan dalam variasi latar belakang berwarna:


On Graded Backgrounds



On Medium Coloured Backgrounds



On Dark Coloured Backgrounds



On Light Coloured Backgrounds



LOGO DENGAN WARNA EMAS DAN PERAK

Logo UMK boleh diperlihatkan dalam warna emas atau perak dengan latar belakang yang gelap tetapi ia perlu dilakukan dengan teliti dan cermat dan kolateral yang digunakan hanya untuk acara dan penerbitan tertentu dan bersesuaian sahaja.



Warna emas




Warna perak

LOGO DIKUTI NAMA JABATAN DAN FAKULTI

Setiap Pusat/Fakulti/Jabatan di UMK tidak dibenarkan mengeluarkan atau mencipta logo sendiri kecuali atas sebab-sebab tertentu dengan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) atau Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Hanya logo melintang sahaja dibenarkan digunapakai bagi tujuan peletakan nama jabatan/fakulti sepertimana termaktub dalam penggunaan variasi logo UMK.

Contoh nama Jabatan / fakulti yang mengiringi logo UMK seperti di bawah. Pastikan saiz dan imej grafik yang sesuai digunakan sepertimana yang termaktub dalam panduan ini.



CONTOH PENGGUNAAN LOGO DIKUTI NAMA JABATAN DAN FAKULTI



Universiti Malaysia
KELANTAN

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**



Universiti Malaysia
KELANTAN

**PUSAT
PENDIDIKAN LUAR UMK**



Universiti Malaysia
KELANTAN

**FAKULTI
BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI**

PENERAPAN LOGO DENGAN LATAR BELAKANG FOTOGRAFI

Logo UMK yang berwarna serta warna tunggal boleh digunakan dengan latarbelakang fotografi yang mempunyai perbezaan warna yang jelas dan ketara.



PENGGUNAAN LOGO GANDINGAN UMK

PENGENALAN

Panduan Perwajahan Imej Korporat ini merupakan dokumen rujukan bagi menjelaskan tatacara representasi Logo Gandingan UMK bersama logo Kelab, Persatuan, Pusat Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan.

ISTILAH

'Logo Gandingan UMK' adalah merujuk kepada Gandingan logo UMK dan logo Kelab, Persatuan, Pusat Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan yang ditubuhkan dengan mendapat kelulusan mengikut peruntukan Universiti Malaysia Kelantan.

PENGGUNAAN LOGO

Logo Gandingan UMK hanya menggunakan Logo Rasmi Menegak.



SPESIFIKASI TEKNIKAL REKA BENTUK LOGO GANDINGAN UMK

- Menggunakan Logo Rasmi Menegak digandingkan bersama logo Kelab, Persatuan, Pusat Penyelidikan, Pusat Kecemerlangan, Bahagian dan Unit.
- Logo Rasmi UMK mestilah diletakkan di bahagian KIRI manakala Logo Gandingan perlu diletakkan di bahagian KANAN.
- Logo Gandingan UMK mestilah diletakkan secara bersama dalam apa jua jenis penghasilan karya grafik.
- Spesifikasi ukuran jarak antara kedua logo adalah pada 0.5 cm.

SIDANG EDITORIAL

Penaung

PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK

Naib Canselor

Penasihat

MOHD ADZWAN BIN KAMARUZAMAN

Pengarah,

Pusat Komunikasi Korporat (PKK)

Penulis/Editor

TUAN ZULKIPELI BIN TUAN YEH

Pegawai Penerbitan,


Bahagian Penerbitan, PKK

Grafik/Reka Bentuk

ELYANI BINTI ZAMRI

Pereka,

Bahagian Grafik dan Multimedia, PKK



ENTREPRENEURSHIP
is our thrust



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust